

# KOLOKIUUM PASCASISWAZAH SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI KALI KE-3

Prepared by Assoc. Prof. Dr. Raman Noordin, SPE

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) telah mengadakan kolokium pascasiswazahnya pada 9 dan 10 April 2012 dengan bertemakan *Advancing in Research*. Kolokium selama dua hari tersebut telah diadakan di Auditorium Unit Media Teknologi Pendidikan (UMTP), UMS dan ia merupakan program kerjasama dengan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS. Kolokium tersebut merupakan acara tahunan SPE yang mana tujuan utamanya ialah untuk menyediakan *platform* untuk pelajar pasca SPE untuk membentangkan hasil semasa pengajian mereka disamping mendedahkan kepada mereka isu-isu penting dalam menjalankan penyelidikan melalui beberapa sesi ceramah. Satu forum bertajuk *Philosophical and Operational Issues in Research: Qualitative Vs. Quantitative* telah memulakan sesi kolokium. Sesi tersebut telah dimoderasikan oleh YBhg. Prof. Dr. Syed Azizi Wafa, manakala panelnya terdiri daripada Prof. Madya Dr. Siti Nabihah Abdul Khalid (Pusat Pengajian Pascasiswazah Perniagaan, USM), Prof. Madya Dr. Kntayya Mariapan (Sekolah Sains Sosial, UMS), dan Dr. Sarma Hj. Aralas (Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UMS). Sebanyak enam sesi pembentangan *concurrent* mengikut bidang telah dijalankan. Pada sesi tersebut para pelajar berpeluang mendapatkan maklumbalas serta input dari para pensyarah yang hadir. Majlis pembukaan telah disempurnakan oleh Dekan SPE, YBrs. Prof. Madya Dr. Hjh Arsiah Hj. Bahron manakala majlis penutupan pula telah disempurnakan oleh YBrs Dr. Hj. Amran Hj. Harun, Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar), Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS. Berbeza dengan dua kolokium yang lalu, pelajar adalah digalakkan untuk menulis manuskrip berkaitan dengan kajian yang mereka jalankan pada kolokium kali ini. Manuskrip yang terpilih diterbitkan di dalam prosiding kolokium. Seramai 80 orang pelajar pasca secara penyelidikan dan kerja kursus telah menghadiri program tersebut.